

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Matawang anda.

Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU PEMBIAYAAN PERDAGANGAN PELBAGAI MATAWANG (PPPM)

Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Matawang (PPPM) adalah kemudahan pembiayaan modal kerja jangka pendek yang ditawarkan oleh Bank Muamalat Malaysia Berhad ("Bank") dan terdapat dalam kedua-dua mata wang tempatan dan mata wang asing.

PPPM memenuhi kedua-dua pembiayaan pra-penghantaran (import, pembelian tempatan) dan pembiayaan pasca penghantaran (eksport, jualan tempatan) bagi barangan dan perkhidmatan patuh Syariah di bawah satu produk. Ia disediakan untuk semua kaedah pembayaran di bawah Pembiayaan Perdagangan seperti Dokumen Kredit, Dokumen Kutipan dan Akaun Terbuka.

Di bawah produk ini, Pelanggan hendaklah memohon Amaun Kemudahan Perdagangan di bawah konsep Tawarruq. Amaun Kemudahan Perdagangan hendaklah disediakan kepada Pelanggan sepanjang tempoh pembiayaan pada amaun maksimum yang ditetapkan. Amaun Kemudahan Perdagangan maksimum hendaklah sama dengan had maksimum yang diberikan, iaitu sama dengan Harga Belian komoditi di bawah Tawarruq. Jumlah caj keuntungan yang ditanggung oleh Pelanggan tidak boleh melebihi jumlah bahagian keuntungan dari Harga Jualan yang dikontrakkan di bawah konsep Tawarruq. Kontrak Syariah yang terlibat dengan produk ini adalah Tawarruq, Murabahah, dan Bai' Al-Sarf.

Tawarruq terdiri daripada dua kontrak jualan dan belian. Yang pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara bertangguh. Selepas itu, pembeli jualan pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. Pelanggan juga berhak untuk mengambil milikan dan penghantaran Komoditi yang dibeli, dengan syarat semua kos dan perbelanjaan berkaitan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Oleh yang demikian, amaun fasiliti tidak akan dibayar kepada Pelanggan.

Harga mesti ditentukan dan dipersetujui bersama oleh pihak berkenaan berdasarkan kontrak jualan dan pembelian masing-masing yang telah dipersetujui bersama. Jika kontrak jualan dan pembelian dalam Tawarruq adalah berdasarkan asas Murabahah, syarat-syarat harga dalam penjualan Murabahah perlu dipatuhi, termasuk pendedahan mengenai kos dan keuntungan. Manakala Bai' Al-Sarf merujuk kepada pertukaran mata wang sekiranya invoice yang dikemukakan oleh pelanggan adalah dalam mata wang asing.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

| Ciri-Ciri Produk | |
|-------------------|---|
| Amaun Pembiayaan | : Minimum: RM 50,000 atau USD 50,000 bersamaan dengan mata wang asing. Maksimum: Mengikut had pembiayaan yang diluluskan oleh BMMB (dalam Ringgit atau setara dengan mata wang asing), tidak melebihi jumlah invoice. Contohnya had pembiayaan maksimum RM 1 juta atau bersamaan dengan anggaran USD 226,270. |
| Margin Pembiayaan | : Sehingga 100% daripada invoice atau nilai bil atau seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran. |
| Tempoh Pembiayaan | : 5 tahun untuk Amaun Kemudahan Perdagangan/Had Penggunaan Perdagangan. Sehingga 180 hari bagi setiap pembiayaan. |

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani.



Bayar kewajipan anda dengan sewajarnya untuk mengelakkan sebarang kesukaran dalam urus niaga pada masa akan datang. Hubungi kami sekiranya timbul sebarang pertikaian.



Segera hubungi kami jika anda mengalami sebarang isu dalam menggunakan produk ini.

| | |
|--------------------------|---|
| Kadar Keuntungan Sebenar | : <ul style="list-style-type: none"> Pembiayaan dalam mata wang domestik (Ringgit): Kadar Asas Pembiayaan (KAP) atau Aras Kos Dana (AKD) + Spread (% setahun). Pembiayaan dalam mata wang asing: Aras Kos Dana Matawang Asing (AKDM) + Spread (% setahun). Kadar keuntungan kemudahan berdasarkan dana harian akan disebut harga oleh Bank pada hari yang dimaksudkan untuk penggunaan kemudahan berdasarkan tempoh yang diminta oleh pelanggan. Kadar keuntungan kemudahan yang terdiri daripada AKD/KAP dan spread akan ditetapkan untuk tempoh pembiayaan seperti yang diminta oleh pelanggan. |
|--------------------------|---|

| Fi & Caj | Amaun |
|--------------------|--------------|
| Yuran Pengendalian | SME: RM85.85 |

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

| | |
|------------------------------|--|
| | Non SME: RM100.00 |
| Setem Hasil | Mengikut Akta Setem 1949 (Semakan 1989), tertakluk kepada apa-apa pengecualian duti setem atau arahan peremitan. |
| Pembentangan Langsung | 0.1% dari nilai invoice <u>RM & Bil Asing</u> Minimum: RM 50 Maksimum: RM 500 |
| Caj lewat bayar | 1% setahun ke atas ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang. |

- Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya 21 hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Fi dan caj adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (8%) yang dikenakan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (sebagaimana yang dipinda), jika berkenaan.

Jika anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, sila ambil maklum bahawa:-

- Anda akan menerima rebat (ibra') ke atas keuntungan tertanggung mengikut prinsip Syariah.
- Rebat tersebut Adalah muktamad dan mengikat.
- Pihak Bank akan mengira rebat berdasarkan penyelesaian awal dan jumlah bayaran yang telah dibuat.
- Tiada tempoh terkunci (*lock-in period*) atas pembiayaan ini.
- Formula Ibra': Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) - Jumlah Prinsipal Tertunggak - Jumlah Terhutang kepada Bank - Pengurangan Ibra'

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apa yang akan berlaku sekiranya anda gagal memenuhi tanggungjawab anda?

- Ta'widh (Caj Ganti rugi): Satu peratus (1%) setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang ATAU sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam
- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh menjejaskan kredibiliti kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit Adalah lebih sukar atau mahal untuk anda.
- Hak untuk tolak-selesai: BMMB berhak untuk menolak-selesai sebarang jumlah tertunggak dalam akaun pembiayaan ini daripada mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang diselenggara dengan BMMB. BMMB akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu.

4 TERMA UTAMA LAIN

- Penjamin dan cagaran adalah tertakluk kepada penilaian kredit dan keputusan pihak Bank.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Matawang (PPPM), anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
Pembiayaan Perdagangan Pelbagai Matawang (PPPM)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui BMMB telah memberikan kepada saya salinan RPP.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

**Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk*

Nama:
Tarikh: